ABIM sokong ketegasan PM

Um - 23/8/2006

KUALA LUMPUR 22 Ogos – Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mengalu-alukan kenyataan tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu usaha penyebaran agama lain terhadap umat Islam dihentikan segera.

Presiden ABIM, Yusri Mohamed berkata, kenyataan ini bertepatan dengan keprihatinan yang dizahirkan oleh umat Islam negara ini.

Katanya, kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan memiliki perkaitan sejarah, sosial dan politik yang perlu dihormati serta diambil kira sebelum sebarang tuntutan secara terbuka dibuat.

"ABIM juga menyokong gesaan Perdana Menteri yang meminta agar kerajaan negeri yang belum mempunyai undang-undang khusus berperanan menyekat penyebaran agama lain kepada umat Islam diwujudkan segera.

"Bagi negeri yang telah mempunyai peruntukan undang-undang tersebut ABIM menggesa agar langkah penguatkuasaan diambil segera," katanya dalam kenyataan akhbar, di sini hari ini.

Menurutnya, pendidikan kesedaran mengenai undang-undang ini perlu dibuat agar semua pihak menyedarinya.

Semalam, Perdana Menteri mengarahkan empat kerajaan negeri iaitu Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya), Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak supaya mengambil tindakan yang sesuai untuk menggubal undang-undang bagi mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama lain di kalangan orang Islam.

Pada masa ini, Perlis, Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu serta Melaka sudah menjalankan kuasa itu melalui enakmen negeri masing-masing

Yusri berkata, ABIM turut menyokong kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang bertegas tidak akan meminda Perkara 121 (1A).